

11 DEC 1998

LEAD Mahkamah-Anwar

ANWAR MINTA SIASATAN SURAT TALQIN DIHENTIKAN: SAC I MUSA HASSAN

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan polis supaya menghentikan siasatan mengenai surat layang berkaitan salah laku seks dan homoseksualnya di hadapan Peguam Negara, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (CID) dan seorang pegawai kanan jabatan itu, Mahkamah Tinggi diberitahu hari ini.

Anwar meminta siasatan itu dihentikan dengan alasan ia bercanggah dengan keputusan Perdana Menteri yang menyatakan bahawa perkara itu adalah fitnah, kata SAC I Musa Hassan, pegawai penyiasat dalam kes Anwar.

Musa berkata Anwar yang meminta siasatan terhadap surat "Talqin Terbuka Untuk Anwar Ibrahim" itu diberhentikan juga tidak mahu mengambil apa-apa tindakan terhadap Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu memintanya menghentikan siasatan yang di peringkat awal itu di hadapan Datuk Ismail Che Rus dan Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri pada 30 Ogos 1997, katanya.

Musa, saksi ke-13 pendakwaan, memberi keterangan itu pada hari ke-25 perbicaraan terhadap Anwar, yang didakwa menggunakan kedudukannya untuk campurtangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Dia didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Musa, Penolong Pengarah Pendakwaan dan Undang-undang di Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman, mula memberi keterangan semalam.

Perbicaraan itu didengar di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul.

Kepada soalan Timbalan Kanan Pendakwa Raya Azahar Mohamed, Musa berkata pada 9.30 pagi, 30 Ogos 1997 beliau menerima panggilan daripada Ismail yang beliau (Musa) dikehendaki mengiringi Ismail untuk berjumpa Anwar di JPM.

Ismail memberitahunya yang mereka dipanggil oleh Anwar, katanya.

"Saya bersama Datuk Ismail ke pejabat Anwar di JPM pada 5 petang. Semasa tiba di bilik tetamu, saya ternampak Peguam Negara Tan Sri Mohtar pun ada bersama. Kami tidak bercakap apa-apa semasa berada di bilik tetamu itu," katanya.

Katanya sebelum berjumpa dengan Mohtar, beliau dan Ismail tidak mengetahui yang Peguam Negara turut dipanggil ke JPM.

Musa berkata semasa mereka berada dalam bilik Anwar, Anwar bertanyakan berkaitan siasatan jabatan siasatan jenayah terhadap surat "Talqin".

Siasatan terhadap surat itu bermula selepas pegawai pengiring Anwar, ASP Zull Aznam Harom membuat laporan polis pada 15 Ogos 1997 dan siasatan dijalankan oleh ASP Zulkifli Mohamed dari CID.

Beliau berkata beliau menjelaskan kepada Anwar bahawa polis akan menjalankan siasatan dengan teliti untuk mendapatkan keterangan sama ada tohmahan itu benar atau tidak.

"Saya menyatakan bahawa siasatan masih belum selesai kerana ia baru di peringkat awal," katanya.

Azahar: Apabila kamu beritahu tertuduh bahawa siasatan itu di peringkat awal, apa respons tertuduh?

Musa: Apabila saya menyatakan bahawa siasatan baru peringkat awal, tertuduh menyatakan perkara ini tidak perlu disiasat.

Pada peringkat itu peguam Christopher Fernando membantah atas alasan bahawa keterangan itu tidak relevan kepada tuduhan, sangat berprejudis dan

tidak seharusnya diterima sebagai bukti.

Azahar semasa menjawab berkata keterangan itu mungkin tidak relevan kepada pembelaan tetapi relevan kepada pendakwaan kerana ia akan menunjukkan bahawa Anwar memberi arahan di hadapan Peguam Negara dan pengarah CID.

"Yang pastinya ia relevan kepada kami untuk membuktikan tuduhan itu dan salah satu daripada ciri tuduhan itu ialah bahawa Anwar telah menggunakan kedudukannya dan keterangan ini akan membuktikannya," kata beliau.

Fernando berkata sama ada keterangan itu menyebelahi pembelaan atau pendakwaan, ia bercanggah dengan peraturan kerelevanan dan tidak seharusnya diterima, tambahan mengikut pertuduhan, arahan kepada Datuk Mohd Said Awang (Pengarah Cawangan Khas) dan Datuk Amir Junus (Timbalan Pengarah Cawangan Khas II), serta tarikh yang berbeza antara pertuduhan dan keterangan.

Paul bagaimana menolak bantahan itu kerana beliau berpendapat ia relevan untuk menghasilkan bukti memandangkan tuduhan itu menyatakan bahawa Anwar telah memberi arahan dengan tujuan memastikan yang beliau tidak akan didakwa.

Selepas mahkamah mengarahkan Azahar meneruskan soalnya Musa berkata: "Tertuduh tidak mahu disiasat kerana ia bercanggah dengan keputusan Perdana Menteri yang menyatakan bahawa perkara ini adalah fitnah,".

Beliau berkata dalam perjumpaan itu Mohtar ada memberi pandangan dan menasihati Anwar bahawa adalah lebih baik untuk pihak polis meneruskan siasatan dan sekiranya tohmahan itu dibuktikan tidak benar, tindakan boleh diambil terhadap orang yang menulis tohmahan-tohmahan itu.

"Di perjumpaan itu juga tertuduh menyatakan bahawa dia tidak mahu mengambil apa-apa tindakan ke atas Ummi Hafilda dan Azizan Abu Bakar," katanya.

Ummi Hafilda Ali ialah penulis surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri yang dialamatkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Surat itu disertakan bersama surat pengakuan bersumpah Azizan Abu Bakar yang mendakwa diliwat Anwar.

Azizan ialah bekas pemandu Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, isteri Anwar.

Musa berkata setelah perjumpaan itu selesai, Mohtar, Ismail dan beliau keluar dari pejabat Anwar dan semasa di luar pejabat itu, Mohtar telah menegur beliau dan Ismail mengenai sebab siasatan itu tidak dimaklumkan kepadanya terlebih dahulu "kerana ini adalah satu kes yang menarik perhatian yang melibatkan Timbalan Perdana Menteri,".

Sebelum itu Musa berkata beliau menerima satu salinan surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri bersama surat pengakuan bersumpah Azizan daripada Amir.

Katanya selepas menerima surat itu beliau ingin mengetahui kebenaran tohmahan yang dilemparkan terhadap TPM iaitu Anwar pada masa itu.

Setelah membandingkan surat itu dengan surat Talqin, beliau mendapati bahawa ia mengandungi tohmahan salah laku seksual dan homoseksual TPM, kata Musa yang menyatakan tidak tahu siapa yang bertanggungjawab terhadap surat itu.

Setelah itu, Musa berkata pada 19 Ogos 1997, pukul 5 petang beliau membuat temujanji untuk menemui Anwar di kediamannya bagi merakamkan percakapannya berkenaan tohmahan-tohman yang telah dibuat ke atasnya dan dapat berbuat demikian.

11/12/98 19-12MST

AAB BNS

LEAD Mahkamah-Anwar 6 Kuala Lumpur  
ANWAR MINTA SIASATAN SURAT TALQIN -6

Sebelum itu beliau berkata penglibatan Cawangan Khas dalam siasatan kes jenayah terhadap Azizan dan Ummi Hafilda dibuat di luar prosedur biasa.

Katanya pada 8.30 pagi 18 Ogos 1997 semasa memberi taklimat kepada Datuk Ismail Che Rus yang pada masa itu adalah Pengarah CID berkaitan tangkapan Ummi Hafilda dan Azizan, pegawai atasannya itu menyuarakan rasa tidak puas hatinya kerana Cawangan Khas menemuduga Azizan dan Ummi Hafilda yang sepatutnya disoal siasat CID.

(Ummi Hafilda dan Azizan ditangkap di rumah Dr Ristina Majid di Bangsar pada 17 Ogos 1997).

Beliau berkata beliau memberitahu Ismail yang Mohd Said ingin menemuduga mereka untuk mendapatkan risikan yang lebih lanjut mengenai surat Talqin itu.

Sejam kemudian beliau dihubungi Mohd Said yang memintanya datang ke pejabatnya yang kemudian memberitahunya bahawa Cawangan Khas telah selesai menemuduga Azizan dan Ummi dan mereka akan diserahkan semula kepada CID untuk siasatan jabatan itu.

Musa seterusnya berkata pada 8.30 malam hari yang sama, Mohd Said menyerahkan Azizan dan Ummi Hafilda kepadanya yang diiringi ASP Mazlan Mansor dan ASP Zulkifli Mohamed dan memaklumkan bahawa mereka (Azizan dan Ummi Hafilda) telah menulis surat kepada Perdana Menteri memohon maaf terhadap penulisan surat-surat berkaitan salah laku Anwar.

"Pihak Cawangan Khas juga memberitahu saya yang mereka tidak mahu menahan selanjutnya Ummi dan Azizan dan minta mereka dibebaskan," kata Musa.

"Saya kemudian membebaskan Ummi dan Azizan dengan jaminan polis."

Bilangan anggota keluarga Anwar yang menghadiri perbicaraan berkurangan hari ini dan isteri beliau juga tidak kelihatan di mahkamah. Hanya anak keduanya, Nurul Nuha hadir sepanjang perbicaraan separuh hari, hari ini.

Tumpuan orang ramai terhadap kes Anwar juga tidak begitu ketara hari ini berbanding beberapa hari lepas semasa Azizan memberi keterangannya selama tujuh hari yang berakhir semalam.

Sepanjang memberi keterangan, Azizan mengaku diliwat Anwar, kemudian membuat kejutan menafikan kejadian itu semasa disoal balas peguam bela dan semasa siasatan semula oleh pendakwaan, Azizan bukan sahaja mengulangi dakwaan diliwat Anwar malahan mendedahkan pernah diliwat bergilir-gilir oleh Anwar dan adik angkat Anwar, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja pada satu ketika antara awal 1992 dan Mei tahun yang sama.

Sementara itu semasa memberi keterangan berkaitan penangkapan Azizan dan Ummi Hafilda, Musa berkata Dr Ristina Majid, tuan rumah tempat penulis surat perihal salah laku itu berlindung menghubungi Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai bagi mengesahkan kehadiran polis di rumahnya.

"Saya tahu Dr Ristina telah menelefon Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai dan Tan Sri Norian mengesahkan bahawa saya adalah seorang pegawai polis dan meminta dia (Ristina) mengikuti permintaan saya," katanya.

Musa berkata beliau mengetahui Dr Ristina menelefon Norian semasa berada di depan pintu bilik tidur utama tingkat atas rumah wanita itu di Jalan Medang Tanduk, Bangsar pada 17 Ogos 1997.

Ketika itu Dr Ristina menguncikan dirinya bersama dua anak dan pembantunya serta Ummi Hafilda dan Azizan dalam bilik tidur utama rumahnya.

"Saya berkomunikasi dengan Dr Ristina secara bercakap dengannya dari luar bilik itu di depan pintu," kata Musa yang sebelum itu menjelaskan bahawa beliau telah memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis.

"Pada mulanya Dr Ristina tidak percaya yang kami polis dan dia menyatakan bahawa dia curiga kerana dua tiga hari sebelum itu dia bersama Ummi Hafilda dan Azizan sentiasa diekori oleh orang yang beliau tidak

kenal," katanya.

Musa berkata sebelum itu beliau menerima panggilan telefon daripada ACP Mazlan Mohd Din dari cawangan khas pada pukul 8.30 malam yang menyatakan bahawa beliau menghadapi masalah semasa hendak memasuki rumah Dr Ristina dan memintanya datang ke rumah berkenaan.

Tidak lama kemudian Azizan dan Ummi Hafilda ditangkap dan diserahkan kepada cawangan khas sebelum dibawa ke Bukit Aman, katanya lagi.

Perbicaraan disambung Isnin depan pukul 9 pagi.

-- BERNAMA

NHD NMO